



# جايبن اقام اسلام سلاڠور

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)**  
**SELANGOR ISLAMIC RELIGION DEPARTMENT**  
Tingkat 1, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah,  
No.2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,  
40676 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Telefon: 03-5514 3400/3600  
Faks: 03-5510 3368  
Laman Web: www.jais.gov.my  
E-mel: info@jais.gov.my  
Instagram: @jabatan.agama.islam.selangor  
Youtube: JAIS OFFICIAL



Rujukan Kami : JAIS.UIT.100-1/5/2( | )  
Tarikh : 30 Januari 2023

## SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

### ARAHAN TETAP PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR, PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2023 – LARANGAN PENGGUNAAN PEMADAM CECAIR (LIQUID PAPER)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2023 – Larangan Penggunaan Pemadam Cecair (Liquid Paper).

Kerjasama dari pihak tuan / puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”**  
**“BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD FAIZAL BIN ABDUL RAJI) S.M.S, A.I.S**

Timbalan Pengarah Pengurusan

b.p. Pengarah

Jabatan Agama Islam Selangor

s.k. Pengarah

Timbalan Pengarah (Operasi)

## JENARAI EDARAN

1. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pendidikan Islam)
2. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pengurusan Dakwah)
3. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Undang-Undang Keluarga)
4. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pengurusan Halal)
5. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan)
6. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pengurusan Masjid)
7. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan)
8. Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah Petaling
9. Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah Klang
10. Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah Gombak
11. Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah Hulu Langat
12. Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah Sabak Bernam
13. Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah Kuala Langat
14. Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah Kuala Selangor
15. Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah Hulu Selangor
16. Pegawai Tadbir Agama (PTA) Daerah Sepang
17. Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri)
18. Pengurus Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS)
19. Penolong Pengarah Unit Pentadbiran dan Perolehan

20. Penolong Pengarah Unit Pengurusan Sumber Manusia

21. Penolong Pengarah Unit Korporat

22. Pegawai Undang - Undang

23. Penolong Pengarah Unit Pengurusan Aset dan Stor

24. Penolong Pengarah Unit Kewangan

25. Penolong Pengarah Unit Teknologi Maklumat

26. Penolong Pengarah Unit Pembangunan

27. Penolong Pengarah Unit Integriti dan Tata tertib

28. Penolong Pengarah Unit Latihan dan Penarafan



**ARAHAN TETAP PENGARAH  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

**PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2023  
LARANGAN PENGGUNAAN PEMADAM CECAIR (*LIQUID PAPER*)**

**1. TUJUAN**

Arahan ini dikeluarkan kepada semua pegawai di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor mengenai larangan penggunaan pemadam cecair ke atas dokumen rasmi kerajaan.

**2. TAFSIRAN**

- 2.1 **Penyelia** bermaksud seseorang pegawai yang bertanggungjawab ke atas pegawai bawahannya. Penyelia mestilah mempunyai hubungan taraf tinggi rendah dalam satu susunan kuasa (*span of control*) di mana jawatan yang lebih tinggi itu bertanggungjawab secara langsung menyelia jawatan yang lebih rendah.
- 2.3 **Pegawai** bermaksud seorang anggota perkhidmatan awam dan negeri yang dilantik tetap dan kontrak.
- 2.4 **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam** merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi lantikan oleh Kerajaan Persekutuan atau Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Kelakuan dan Tatatertib) 1995 bagi lantikan Kerajaan Negeri Selangor, termasuk pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa.

2.5 **Dokumen rasmi kerajaan** merujuk kepada Arahan Keselamatan bermaksud apa-apa jenis maklumat yang tercatat berkenaan perkara-perkara rasmi dan termasuklah:

- a) perkara yang bertulis, bertaip, bertulis trengkas, disalin, berstensil dan bercetak dan juga draf dan buangan dari perkara itu;
- b) fotograf, foto salinan, pelan cetak, negatif foto dan filem, jalur suara dan rakaman;
- c) pelan, pelan lakar, lukisan, gambarajah, peta dan aneka jenis carta;
- d) huruf cetak atur atau huruf cetak miring, blok litografer, acuan, stensil, proses plat atau lain-lain alat yang digunakan untuk membuat dokumen-dokumen rasmi.

### 3. ARAHAN PELAKSANAAN

3.1 Sekiranya berlaku kesilapan semasa menulis di atas dokumen rasmi, apa yang perlu dilakukan adalah perkataan/ kesilapan yang telah dilakukan itu hendaklah **dipotong dengan satu garis** sahaja dan **pembetulan mestilah ditulis dengan jelas** di ruangan bahagian atas perkataan/ kesilapan yang ada.

3.2 **Penyelia hendaklah mengingatkan kakitangan bawahan** mengenai larangan penggunaan pemadam cecair ke atas dokumen rasmi kerajaan.

3.3 Jika selepas arahan ini dikeluarkan dan **masih terdapat penggunaan** pemadam cecair di atas sebarang dokumen rasmi kerajaan, **tindakan tegas** akan diambil mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam.

4. **PENUTUP**

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Urus Setia di alamat emel  
G\_integriti@jais.gov.my atau hadir ke

Tingkat 1, Menara Selatan,  
Bangunan Sultan Idris Shah  
Persiaran Masjid, Seksyen 5,  
40676 Shah Alam  
Selangor



**(DATO' HAJI MOHD SHAHZIHAN BIN AHMAD) D.P.M.S., P.P.T**  
**Pengarah**  
**Jabatan Agama Islam Selangor**

Tarikh:

25/12/23 -